



# **Islam ialah engkau bersaksi bahawa tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Allah dan bahawa Muhammad itu Rasul Allah, engkau mendirikan solat, menunaikan zakat, berpuasa pada bulan Ramadan dan mengerjakan haji ke Baitullah jika engkau mampu melaksanakannya**

Daripada ‘Umar bin al-Khaṭṭāb رضي الله عنه berkata: Ketika kami sedang duduk bersama Rasulullah صلى الله عليه وسلم pada suatu hari, tiba-tiba muncul seorang lelaki yang sangat putih pakaianya, sangat hitam rambutnya, tidak kelihatan padanya tanda-tanda permusafiran, dan tiada seorang pun daripada kami yang mengenalinya. Dia duduk berhadapan dengan Nabi صلى الله عليه وسلم, lalu merapatkan kedua-dua lututnya kepada lutut Baginda dan meletakkan kedua-dua tangannya di atas kedua peha baginda, seraya صلی الله علیہ وسلم bersabda: "Islam ialah engkau bersaksi bahawa tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Allah dan bahawa Muhammad itu Rasul Allah, engkau mendirikan solat, menunaikan zakat, berpuasa pada bulan Ramadan dan mengerjakan haji ke Baitullah jika engkau mampu melaksanakannya." Dia berkata: "Benar." ‘Umar berkata: "Kami merasa hairan kepadanya, dia bertanya tetapi dia juga membenarkannya." Dia berkata: "Beritahulah aku tentang iman." Baginda صلی الله علیہ وسلم bersabda: "Engkau beriman kepada Allah, para malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, para rasul-Nya, hari akhirat, dan engkau beriman kepada takdir yang baik mahupun yang buruk." Dia berkata: "Benar." Dia berkata: "Beritahulah aku tentang ihsan." Baginda صلی الله علیہ وسلم bersabda: "Engkau beribadah kepada Allah seolah-olah engkau melihat-Nya, jika engkau tidak dapat melihat-Nya, maka sesungguhnya Dia melihatmu." Dia berkata: "Beritahulah aku tentang hari kiamat." Baginda صلی الله علیہ وسلم bersabda: "Orang yang ditanya tidak lebih mengetahui tentangnya berbanding orang yang bertanya." Dia berkata: "Beritahulah aku tentang tanda-tandanya." Baginda صلی الله علیہ وسلم bersabda: "Apabila seorang hamba melahirkan tuannya, dan apabila engkau melihat orang-orang yang tidak berkaki ayam, tidak berpakaian, dan miskin, pengembala kambing, berlumba-lumba meninggikan bangunan." ‘Umar berkata: "Kemudian lelaki itu pun pergi, lalu aku diam beberapa ketika. Setelah itu Baginda صلی الله علیہ وسلم berkata kepadaku: "Wahai ‘Umar, tahukah engkau siapa orang yang bertanya tadi?" Aku berkata: "Allah dan Rasul-Nya lebih mengetahui." Baginda صلی الله علیہ وسلم bersabda: "Sesungguhnya dia adalah Jibril, dia datang untuk mengajar kamu tentang agama kamu."

Umar bin al-Khattab رضي الله عنه menceritakan bahwa Jibril عليه السلام datang kepada para sahabat dalam rupa seorang lelaki yang tidak dikenali. Antara sifatnya ialah pakaianya yang sangat putih dan rambutnya yang sangat hitam. Tidak kelihatan padanya tanda-tanda permusafiran seperti kepenatan, debu, rambut kusut atau pakaian yang kotor, dan tiada seorang pun daripada mereka mengenalinya. Ketika itu mereka sedang duduk bersama Nabi ﷺ. Lalu dia duduk di hadapan Nabi ﷺ sebagaimana duduk seorang penuntut ilmu, lalu dia bertanya baginda tentang Islam. Nabi ﷺ menjawab dengan menyebut rukun-rukunnya yang merangkumi pengakuan dua kalimah syahadah, menjaga solat lima waktu, menunaikan zakat kepada yang berhak, berpuasa pada bulan Ramadan dan menunaikan ibadah haji bagi yang berkemampuan. Lelaki itu berkata: "Benar." Para sahabat pun berasa hairan kerana dia bertanya seolah-olah tidak mengetahui, namun kemudian dia sendiri membenarkan jawapan tersebut. Kemudian lelaki itu bertanya kepada Nabi ﷺ tentang iman. Baginda menjawab dengan menyebut enam rukun iman yang merangkumi keimanan kepada kewujudan Allah ﷺ dan sifat-sifat-Nya, mengesakan-Nya dalam perbuatan-Nya seperti mencipta dan mengesakan-Nya dalam ibadah; beriman kepada para malaikat yang diciptakan oleh Allah daripada cahaya, yang merupakan hamba-hamba-Nya yang dimuliakan, tidak menderhakai-Nya dan sentiasa melaksanakan perintah-Nya; beriman kepada kitab-kitab yang diturunkan oleh Allah kepada para rasul-Nya, seperti al-Quran, Taurat, Injil dan lain-lain; beriman kepada para rasul yang diutus untuk menyampaikan agama Allah, antaranya Nuh, Ibrahim, Musa, Isa dan yang terakhir Muhammad ﷺ serta nabi dan rasul yang lain; beriman kepada hari akhirat, yang merangkumi peristiwa selepas kematian seperti alam kubur dan kehidupan barzakh, bahawa manusia akan dibangkitkan selepas mati dan dihisab, lalu ditentukan tempatnya sama ada di syurga atau di neraka dan beriman bahawa Allah telah menetapkan segala sesuatu berdasarkan ilmu-Nya yang terdahulu, mengikut hikmah-Nya, telah ditulis-Nya, dikehendaki-Nya, terjadi seperti yang telah ditetapkan dan Dialah yang menciptakannya. Kemudian lelaki itu bertanya kepada Nabi ﷺ tentang ihsan. Baginda menjelaskan bahawa ihsan ialah beribadah kepada Allah seolah-olah seseorang itu melihat-Nya. Jika dia tidak mencapai kedudukan tersebut, maka hendaklah dia beribadah kepada Allah (dengan penuh kesedaran) bahawa Allah sentiasa melihatnya. Kedudukan yang pertama dinamakan martabat musyahadah, iaitu martabat yang paling tinggi, manakala yang kedua dinamakan martabat muraqabah. Kemudian lelaki itu bertanya kepada Nabi ﷺ: "Bilakah berlaku hari kiamat?" Maka Baginda menjelaskan bahawa pengetahuan tentang waktu berlakunya kiamat adalah daripada perkara ghaib yang hanya Allah mengetahuinya. Tiada seorang pun dalam kalangan makhluk yang mengetahuinya, sama ada yang ditanya mahupun yang bertanya. Setelah itu lelaki itu bertanya tentang tanda-tanda kiamat? Nabi ﷺ menjelaskan bahawa antara tanda-tandanya ialah banyaknya hamba perempuan dan anak-anak mereka, atau banyaknya anak yang menderhakai ibu mereka sehingga memperlakukan mereka seperti hamba. Selain itu, para pengembala kambing dan golongan fakir miskin akan diberikan keluasan dunia pada akhir zaman, lalu mereka berbangga-bangga dalam menghias dan membina bangunan yang megah. Akhirnya Nabi ﷺ memberitahu bahawa lelaki yang bertanya itu ialah Malaikat Jibril عليه السلام yang datang untuk mengajar para sahabat رضي الله عنهم tentang agama Islam yang suci ini.

**النّجّات الخيريّة**  
ALNAJAT CHARITY

